

# Indeks Daya Huni ukur kemampunan bandar selaras RFN Ke-4

bil/8: 2

RH-18/11/2021

**Putrajaya:** Indeks Daya Huni Malaysia yang dilancarkan semalam, menjadi pengukur berimpak tinggi dalam memastikan perancangan perbandaran sejajar dengan kriteria digariskan di bawah Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4), kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, Indeks Daya Huni juga akan digunakan sebagai satu instrumen dasar ke arah menilai kemampunan bandar agar matlamat RFN Ke-4 dengan didasari Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.

“Di seluruh dunia, daya huni atau *livability* menjadi satu instrumen penting dalam menarik pelaburan dan menjadikan persekitaran mesra pelabur.

“Ini termasuk soal *last-mile connectivity*, akses kepada internet, akses kepada kemudahan awam dan pelbagai lagi faktor dengan menjadikan rakyat sebagai teras utama penerima manfaat.

“Bagi melihat keseluruhan pelaksanaan RFN Ke-4 serta aspek daya huni yang boleh memberi nilai tambah dalam merencanakan ekonomi negara, sukacita saya umumkan bahawa satu Indeks Daya Huni Malaysia atau Malaysia Livability Index akan diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui peranan PLANMalaysia,” katanya pada Majlis Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2021 Peringkat Kebangsaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican

Naina Merican.

RFN Ke-4 yang dimuktamadkan KPKT melalui PLANMalaysia adalah dokumen strategik yang menggariskan dasar pembangunan spatial negara selaras dengan RMK-12.

Ia mengandungi tiga Teras Pembangunan Utama, 11 Hala Tuju Strategik dan 39 Tindakan Pelaksanaan bagi memastikan Malaysia mampu menjadi negara makmur dan berdaya tahan dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial, demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia keseluruhannya.

Pada majlis itu Ismail Sabri turut menyampaikan anugerah Tokoh Perancang Bandar Malaysia kepada Pengarah Eksekutif Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat), Datuk Seri Maimunah Md Sharif.

Terdahulu, Reezal Merican dalam ucapannya berkata, perancang bandar memainkan peranan penting dalam melaksanakan agenda perancangan bandar bersifat daya tahan pandemik dengan mengambil kira aspek pengurusan risiko bencana.

Ini kerana katanya, pandemik COVID-19 telah membuka keperluan kepada perancang bandar agar tidak hanya tertumpu kepada aspek struktural dan pembangunan infra semata-mata.

“Pandemik membuka keperluan penting perancangan bandar untuk melihat aspek kemakmuran, mobiliti, daya tahan ekonomi dan mitigasi kemungkinan berlakunya kawasan bandar sebagai *epi-centres* merebaknya sebarang wabak pada masa akan datang,” katanya.